

Jimat perbelanjaan tak jejas mutu perkhidmatan

» Strategi dirangka kerajaan ringankan kos sara hidup rakyat, rangsang ekonomi

BH
31/1/2016
mls 4




Soalan: Boleh Tan Sri beri sedikit ulasan mengenai pengubahsuaian Bajet 2016?

Jawapan: Apabila saya duduk dalam bilik ini dan memikirkan apa yang perlu dilakukan dalam pengubahsuaian bajet, pertama sekali adalah ia disebabkan oleh ketidaktentuan ekonomi dunia. Harga minyak jatuh dan menunjukkan trend menurun. Pada 2014, harga minyak lebih AS\$100 (RM414) satu tong tetapi pada 2015, ia jatuh sehingga 50 peratus menyebabkan kita terpaksa membuat pengubahsuaian Bajet 2015 pada 12 Januari tahun lalu. Pada Oktober tahun ini (ketika pembentangan Bajet 2016),

Ketika membentangkan Pengubahsuaian Bajet 2016, Khamis lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak, menggariskan 11 langkah bagi memastikan ekonomi dan kewangan negara kekal pada jajaran yang betul serta melindungi kebajikan rakyat. Malah, Perdana Menteri turut mengumumkan pelbagai inisiatif lain untuk meringankan beban kos sara hidup rakyat dan merangsang ekonomi, termasuk jangkaan dapat menjimatkan sehingga RM9 bilion. Ikuti temu bual eksklusif wartawan BH,

Datuk Abdul Jalil Hamid, Magendran Rajagopal dan Zanariah Abd Mutalib bersama Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr Irwan Serigar Abdullah, yang menjelaskan dan memperincikan strategi dirangka kerajaan bagi menangani kesan ketidaktentuan ekonomi dunia dan kejatuhan harga minyak.



“

Saya mahu

menaikkan kembali jumlah pelancong, termasuk penerbangan terus antara Langkawi dan Guangzhou dan banyak lagi destinasi lain selepas ini, seperti Shanghai dan Beijing.

Pada 1 Mac ini, kita akan mulakan pengecualian visa kepada pelancong China ini, tapi kita tetap memberi syarat tertentu seperti mereka perlu menunjukkan tiket pulang kepada pegawai imigresen bagi mengelakkan mereka tinggal lebih lama daripada masa yang ditetapkan.

S: Bagaimana dengan pengisytiharan cukai pendapatan, difahamkan ramai yang isytihar

kita letakkan harga minyak pada paras AS\$48 (RM198) satu tong tapi ia jatuh lagi.

Saya beritahu Perdana Menteri beberapa kali yang kita perlu membuat pengubahsuaian (bajet). Kita melihat paras harga yang digunakan agensi penarafan, pengurus dana dan bank iaitu antara AS\$30 hingga AS\$40 satu tong. Jadi, kita ambil anggaran konservatif antara AS\$30 hingga AS\$35 supaya jika harga minyak jatuh lagi, kita masih boleh bertahan dan tidak perlu membuat pengubahsuaian, melainkan jika ia jatuh di bawah paras AS\$20, kita boleh membuat pengubahsuaian semasa bajet (2017).

Beliau bersetuju dan kita teruskan. Selain itu, saya beritahu, pertumbuhan ekonomi pun, kita perlu lihat semula. Kita tidak boleh kekal pada empat hingga lima peratus, mungkin kita boleh kurangkan kepada 4 hingga 4.5 peratus. Apabila kita kira semula, jika harga minyak AS\$30 satu tong, negara akan kehilangan pendapatan sebanyak RM9 bilion dan jika AS\$35, kita akan hilang RM7 bilion. Jadi, kehilangan pendapatan kita antara RM7 bilion hingga RM9 bilion.

Kita panggil semua Kementerian serta agensi dan beritahu, mereka perlu mengoptimalkan perbelanjaan mengurus tanpa menjejaskan penyampaian perkhidmatan. Kita boleh berjimat dalam aspek lain. Contohnya, kita tidak perlu penerbangan kelas pertama dan ini hanya untuk Kementerian Kewangan, bukan semua perkhidmatan awam.



Keratan **akhbar BH** kelmarin.

Saya memberi fleksibiliti kepada setiap Kementerian dan agensi untuk membuat cara penjimatan mereka sendiri kerana setiap ketua tahu di mana mahu berjimat. Jadi, kita tidak mahu paksa sebab ada Kementerian yang besar. Dalam perbelanjaan mengurus ini, kita boleh melakukan penjimatan antara dua hingga lima peratus.

Seperti di Perbendaharaan, dalam mesyuarat, kita tidak hidangan makanan kerana kita datang untuk mesyuarat, bukan makan. Di luar negara juga, mereka lakukan perkara sama. Jika kita hidangan makanan, ia boleh mencecah antara RM5 ke RM15 seorang dan kadangkala, ada antara mereka yang tidak makan pun, sekali gus membazir. Kita (Perbendaha-

raan) juga berjimat dari segi penggunaan elektrik.

Bagi Kementerian lain, saya beritahu mereka jangan terlalu kerap ke luar negara (atas urusan rasmi). Ketua Setiausaha Negara (Tan Sri Dr Ali Hamsa) juga mengeluarkan arahan, jika pegawai kanan kerajaan mahu ke luar negara, mereka perlu dapatkan kelulusannya dan ia bukan hanya membabitkan Ketua Setiausaha sahaja, tetapi juga timbalannya.

Kita juga tidak menggalakkan rombongan yang besar melainkan ia benar-benar memberi faedah kepada negara. Mereka perlu fokus kepada pelancongan, negara mana yang hendak pergi. Jika negara itu sumber kepada pelancong yang ramai ke negara ini, mereka perlu

Saya memberi fleksibiliti kepada setiap Kementerian dan agensi untuk membuat cara penjimatan mereka sendiri kerana setiap ketua tahu di mana mahu berjimat"

membuat promosi di negara itu. Kita jangan ke negara yangarganya tidak datang ke Malaysia dan ini memberi nilai kepada wang.

Sebab itu Perdana Menteri mengumumkan pengecualian visa kepada pelancong China sebab kita rasakan, kita hilang pelancong China kepada Thailand dan Indonesia. Pada 2012, jumlah pelancong China yang datang ke Malaysia, Thailand dan Indonesia sama saja tetapi sekarang, Thailand sudah mendahului kita antara 10 ke 20 kali ganda. Selepas dua insiden (MH370 dan MH17), jumlah itu terus turun dan sebab itu kita harap, usaha syarikat penerbangan dapat

tanamkan ramai yang isytihar pendapatan lebih rendah berbanding gaji sebenar?

J: Ramai yang isytihar cukai pendapatan kurang, jadi kami mahu audit dilakukan dengan tegas dan melakukan pengesahan kerana data Kastam sekarang sudah lengkap. Ada syarikat yang tidak ada fail cukai pendapatan tetapi membayar GST. Ini adalah kedai kecil yang keuntungannya besar seperti kedai mekanik, membaiki penyaman udara dan restoran. Mustahil pendapatan mereka di bawah kadar yang boleh dicukai. Ruang ke-tirisan ini harus ditutup.

S: Apakah ia berpunca akibat masalah penguatkuasaan atau rasuah?

